

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

YWP 304 - Kewartawanan Foto

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan ENAM soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Jelaskan semua konsep atau istilah di bawah. Beri contoh di mana ia diperlukan.
 - (a) Gambarfoto *cliche*
 - (b) *depth-of-field*
 - (c) Gambar *silhoutte*
 - (d) Negatif *over-exposed* dan *under-exposed*
 - (e) Faktor-X

(100 markah)
2. Beberapa kaedah bilik gelap boleh digunakan untuk mengawal teraan anda untuk menghasilkan teraan yang bermutu. Huraikan kaedah tersebut.

(100 markah)
3. Pemberitaan (penulisan berita) tanpa gambar tidak lengkap dan gambar tanpa perkataan (penerang gambar) tidak memadai. Jelaskan kenyataan ini dengan memberikan sebab-sebab berita memerlukan gambar dan gambar memerlukan kata-kata.

(100 markah)

...2/-

4. Gambar tidak pernah berbohong. Tetapi kreativiti manusia dan kemajuan teknologi memungkinkan keadaan sebaliknya. Dengan memberikan contoh terangkan kaedah yang memungkinkan pembohongan dibuat melalui gambar.

(100 markah)

5. Seorang wartawan foto adalah seorang wartawan dan seorang jurugambar sekaligus. Bincangkan ciri gambar yang dihasilkan oleh seorang wartawan foto yang membezakannya dari gambar yang lain.

(100 markah)

6. Gambar yang menunjukkan pergerakan memberi kesan kepada penonton. Huraikan bagaimana anda menghasilkan berbagai jenis gambar pergerakan dalam pemberitaan.

(100 markah)

-oooOooo-